

9 Jun 2022

**KENYATAAN MEDIA**

**TIADA LAGI TRANSAKSI TUNAI UNTUK  
PERKHIDMATAN PUSPAKOM MULAI 1 JULAI 2022**

**Shah Alam, 9 Jun 2022** – Bermula 1 Julai 2022, kesemua 54 pusat pemeriksaan PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) di seluruh negara akan beralih ke urus niaga pembayaran tanpa tunai sepenuhnya bagi bayaran untuk semua jenis pemeriksaan kenderaan.

Peralihan kepada transaksi urus niaga tanpa tunai ini dilihat dapat menjimatkan masa, selain lebih selamat dan selaras dengan aspirasi PUSPAKOM untuk mendigitalisasikan sepenuhnya urusan di PUSPAKOM. Pelanggan boleh membuat bayaran secara dalam talian iaitu melalui pilihan e-dompet, kad debit atau kad kredit.

Shukor Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM yakin urus niaga tanpa tunai ini akan melancarkan proses dan operasi pemeriksaan.

“Sejak April tahun lalu, pembayaran tanpa tunai serta pengeluaran laporan pemeriksaan dan resit secara elektronik tanpa kertas sememangnya telah dilaksanakan. Namun pembayaran secara tunai masih lagi dibenarkan ketika itu, atas pertimbangan masih ada sebilangan kecil pelanggan yang tidak memiliki e-dompet, kad debit atau kredit,” kata Shukor.

“Data bagaimanapun menunjukkan lebih 90% pelanggan PUSPAKOM kini menggunakan kaedah transaksi tanpa tunai di semua cawangan kami. Ini jelas menunjukkan kaedah pembayaran tanpa tunai ini menjadi pilihan kerana ia lebih mudah dan cepat. Di waktu pandemik seperti sekarang, ia juga lebih selamat dari segi kebersihan”, tambah Shukor lagi.

PUSPAKOM kini menerima pembayaran melalui pelbagai pilihan e-dompet termasuk PUSPAKOM e-wallet, Maybank QRPay, GrabPay, Touch ‘n Go eWallet, Boost, WeChat Pay dan Alipay di semua pusat pemeriksaan PUSPAKOM seluruh negara. Sejak 2017 lagi PUSPAKOM telah mula menerima pembayaran secara dalam talian, antaranya ialah melalui

kad debit atau kredit, FPX dan PUSPAKOM e-wallet bagi semua janji temu pemeriksaan kenderaan yang dibuat melalui sistem MyPUSPAKOM.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan PUSPAKOM di talian 03-5101 7000 atau Live Chat di [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) atau mengikuti Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd.

**-TAMAT-**

### **MENGENAI PUSPAKOM**

***Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM)** merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.*

*Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.*

*Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar bandar.*

*Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.*

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Leong Pei Yee**

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan  
PUSPAKOM  
Tel: 03-2052 7465

**Mohd Izzat Intanjudin**

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan  
PUSPAKOM  
Tel: 03-2052 7464

**Ely**

Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan  
PUSPAKOM  
Tel: 03-2052 7322

**Gambar**



**PUSPAKOM**  
Ahli Kumpulan  
**DRB-HICOM**

# GO CASHLESS

**TIADA LAGI BAYARAN TUNAI MULAI 1 JULAI 2022**

**Urusan Transaksi Tanpa Tunai:**

- ✓ Semua Cawangan
- ✓ Semua Jenis Pemeriksaan

Pilihan pembayaran:

- PUSPAKOM eWallet
- Maybank QRPAY
- Grab Pay
- Touch n Go eWallet
- Boost
- WeChat Pay Alipay
- MasterCard
- VISA

**f** Puspakom Sdn Bhd | **@** puspakom\_ontheroad | **▶** PUSPAKOM Sdn Bhd  
[www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my) | [customerservice@puspakom.com.my](mailto:customerservice@puspakom.com.my) | **☎** 03-5101 7000